

Soalan-Soalan Lazim BSN SSP 2023 (FAQ)

1) Berapakah cabutan yang ditawarkan BSN SSP pada tahun 2023?

Untuk 2023, BSN SSP menawarkan sepuluh (10) cabutan seperti senarai dibawah:

- a) Cabutan Jutawan
- b) Cabutan Bulanan
- c) Cabutan Wilayah
- d) Cabutan Penyimpan Baru
- e) Cabutan Penyimpan Muda
- f) Cabutan Kesetiaan
- g) Cabutan Guru
- h) Cabutan Akaun Gaji
- i) Cabutan Kasih
- j) Cabutan Simpanan Konsisten

2) Bagi Cabutan Jutawan, apakah definisi bagi Pelanggan dibawah bulan-bulan istimewa?

a) Syarat Kelayakan bagi Cabutan Jutawan adalah:

- Simpanan minimum: RM3,000
- Tempoh simpanan: Minimum 90 hari

Bulan-bulan Cabutan Khas

b) Cabutan April: Guru

- Guru tadika/sekolah rendah/sekolah menengah/sekolah swasta/sekolah antarabangsa/sekolah agama yang didaftarkan dibawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Pensyarah di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Kakitangan dari KPM dan KPT juga layak. Kakitangan dari KPM, KPT dan guru yang sudah bersara juga layak.
- Tempoh simpanan minimum 90 hari tidak terpakai bagi Guru pada untuk Cabutan Jutawan bulan April.

c) Cabutan Ogos: Pekerja Barisan Hadapan

- Polis, Askar, Bomba, Doktor Perubatan (termasuk doctor gigi, pakar terapi, pakar optik), Jururawat dan Pegawai Kastam. Termasuk juga kakitangan Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Tempoh simpanan minimum 90 hari tidak terpakai bagi Pekerja Barisan Hadapan untuk Cabutan Jutawan bulan Ogos.

d) Cabutan November: Pelanggan Setia BSN SSP

- Pelanggan yang telah menyimpan BSN SSP minimum 20 tahun dengan tambahan simpanan minimum RM3,000 pada tahun 2023.

3) Bagi bulan-bulan cabutan khas untuk Cabutan Jutawan, adakah pelanggan perlu membuat simpanan sebanyak RM3,000 dan kekalkan selama 90 hari lagi untuk layak?

Bagi bulan cabutan khas Cabutan Jutawan, jika baki akaun BSN SSP pelanggan melebihi RM3,000 dan telah membuat simpanan lebih 90 hari, penambahan simpanan tidak perlu dibuat untuk layak bagi cabutan kecuali bagi Pelanggan Setia BSN SSP dimana tambahan RM3,000 perlu dibuat pada tahun 2023 untuk layak.

Namun, tempoh simpanan minimum 90 hari tidak terpakai buat pemenang Cabutan Jutawan Guru pada bulan April dan juga Cabutan Jutawan Pekerja Barisan Hadapan pada bulan Ogos 2023.

4) Bagaimanakah pembahagian Wilayah dibuat bagi Cabutan Wilayah BSN SSP?

Pembahagian Wilayah dibuat mengikut pecahan dibawah:

- a) **Utara** – Kedah / Perlis, Pulau Pinang, Perak
- b) **Selatan** – Negeri Sembilan, Melaka, Johor
- c) **Pantai Timur** – Pahang, Terengganu, Kelantan
- d) **Tengah** – Kuala Lumpur, Selangor
- e) **Malaysia Timur** – Sabah, Sarawak

Dimaklumkan juga bahawa penyertaan bagi Cabutan Wilayah akan dikira mengikut negeri pelanggan membuat pembelian dan bukan negeri pembukaan akaun pelanggan tersebut.

5) Apakah syarat kelayakan bagi Cabutan Penyimpan Baru?

Pelanggan perlu membuat simpanan minimum RM200 dan juga merupakan Pelanggan Baharu Bank. Pelanggan baharu bank didefinisikan sebagai Pelanggan yang membuka akaun BSN SSP 12 bulan sebelum tarikh cabutan.

6) Apakah had umur bagi layak untuk Cabutan Penyimpan Muda?

Pelanggan perlu berumur 12 – 21 tahun dan menyimpan minimum RM200 di dalam akaun BSN SSP. Had umur bagi cabutan ini pula adalah 21 tahun, 11 bulan dan 30 hari.

7) Untuk 2023, apakah cabutan BSN SSP yang khas buat guru sahaja?

Bagi tahun 2023, terdapat dua (2) cabutan khas buat guru-guru di seluruh Malaysia seperti dibawah:

- a) Cabutan Jutawan bulan April
- b) Cabutan Guru
- Syarat Kelayakan: Simpanan minimum RM200
- Definisi Guru: Guru tadika/sekolah rendah/sekolah menengah/sekolah swasta/sekolah antarabangsa/sekolah agama yang didaftarkan dibawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Pensyarah di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Kakitangan dari KPM dan KPT juga layak. Kakitangan dari KPM, KPT dan guru yang sudah bersara juga layak.

8) Apakah definisi bagi Pelanggan yang layak bagi Cabutan Akaun Gaji?

Pelanggan yang Layak bagi Cabutan Akaun Gaji perlu mempunyai Akaun BSN SSP dengan simpanan minimum RM200 dan akaun gaji dengan purata baki akhir minimum RM1,000 di dalam akaun gaji sebelum tarikh cabutan.

9) Siapakah Pelanggan yang Layak untuk menyertai Cabutan Kasih?

Pelanggan yang layak merupakan Pelanggan baru atau sedia BSN SSP yang merupakan penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) atau mana-mana bantuan Kewangan yang diterima melalui saluran BSN.

Syarat Kelayakan:

- Simpanan Minimum: RM10

10) Bagaimanakah cara untuk mendapat gandaan penyertaan bagi cabutan BSN SSP 2023?

Gandaan penyertaan merupakan gandaan kepada jumlah sijil yang Pelanggan layak untuk setiap cabutan. Terdapat tiga (3) cara untuk pelanggan layak untuk gandaan penyertaan bagi tahun 2023 melalui cabutan / kondisi dibawah:

- a) Cabutan Akaun Gaji
- b) Cabutan Simpanan Konsisten
- c) Bonus Tambahan Istimewa

11) Bagaimanakah gandaan penyertaan diberi mengikut cabutan / kondisi seperti diatas?

a) Cabutan Akaun Gaji

- Gandaan penyertaan akan diterima sekiranya Pelanggan membuat simpanan minimum BSN SSP RM200 dan mempunyai purata baki akhir akaun gaji RM1000 sebelum tarikh cabutan.
- Gandaan penyertaan adalah untuk jumlah keseluruhan di dalam akaun BSN SSP Pelanggan tersebut.
- Contoh: Pelanggan mempunyai RM10,000 di dalam akaun BSN SSP dan layak untuk akaun gaji. Maka Pelanggan tersebut akan menerima penyertaan sebanyak 2,000 ((RM10,000 / RM10) x 2) bagi cabutan seterusnya.

b) Cabutan Simpanan Konsisten

- Gandaan akan diterima sekiranya Pelanggan membuat simpanan konsisten untuk tiga (3) bulan berturut-turut pada tahun 2023.
- Gandaan penyertaan bagi Cabutan ini hanyalah untuk BSN SSP yang dibeli pada tahun 2023.
- Gandaan penyertaan bagi cabutan ini akan dipanjangkan ke 2024 bagi Pelanggan yang membuat simpanan pada tiga (3) bulan terakhir 2023.
- Simpanan Minimum Pelanggan:
 - a) **Penerima Bantuan Kewangan:** RM10
 - b) **Pelanggan lain:** RM50

Contoh Situasi Pelanggan:

- **Contoh 1:** Pelanggan membuat simpanan konsisten RM500 setiap bulan selama tiga (3) bulan dari Januari hingga ke Mac 2023. Maka Pelanggan tersebut akan menerima gandaan penyertaan pada bulan April sebanyak 300 ((RM1,500 / RM10) x 2).
- **Contoh 2:** Pelanggan membuat simpanan konsisten RM500 setiap bulan selama tiga (3) bulan dari Mac hingga June 2023. Maka Pelanggan tersebut akan menerima gandaan penyertaan pada bulan Julai sebanyak 300 ((RM1,500 / RM10) x 2).
- **Contoh 3:** Pelanggan membuat simpanan RM500 pada bulan Mac dan April tetapi tidak membuat simpanan pada bulan Mei. Pada bulan Jun pula, Pelanggan tersebut menyimpan RM500 tambahan. Pelanggan tersebut tidak akan menerima gandaan penyertaan kerana tidak memenuhi syarat simpanan konsisten selama tiga (3) bulan berturut-turut.

c) Bonus Tambahan Istimewa

- Bagi pelanggan yang telah menyimpan BSN SSP untuk lima (5) tahun dan keatas, pelanggan akan terima gandaan penyertaan sebanyak dua kali sekiranya:
 - a) Tambahan deposit sebanyak RM500 dibuat dalam 2023.
 - b) Tiada pengeluaran sebelum tarikh cabutan.
 - c) Gandaan penyertaan akan diterima bagi tambahan deposit yang dibuat pada bulan tersebut sebelum tarikh cabutan.
- Pelanggan boleh melayakkan diri bagi Bonus Tambahan Istimewa setiap bulan jika syarat-syarat diatas dipatuhi.
- Gandaan penyertaan akan diterima bagi simpanan yang dibuat pada bulan tersebut.
- Maka sekiranya Pelanggan mahu mendapat Bonus Tambahan Istimewa setiap bulan, Pelanggan tersebut perlu membuat simpanan RM500 dan tiada pengeluaran setiap bulan.
- Contoh 1: Pelanggan membuat simpanan sebanyak RM500 pada bulan Januari dan tidak membuat sebarang pengeluaran pada bulan tersebut. Gandaan penyertaan akan diterima semasa Cabutan pada bulan Februari.

12) Adakah gandaan penyertaan diterima diatas kesemua Cabutan yang ditawarkan?

Ya, gandaan penyertaan yang diterima akan digunapakai bagi semua Cabutan yang layak bagi Pelanggan tersebut.

13) Jika seorang pelanggan layak untuk lima (5) cabutan dalam satu bulan, adakah nama Pelanggan tersebut akan dicabut untuk kelima-lima cabutan atau satu sahaja?

Nama pelanggan tersebut akan dicabut untuk kelima-lima cabutan yang layak pada Tarikh cabutan bulan itu.

****Nota: Bagi Guru dan Pekerja Barisan Hadapan yang ingin melayakkan diri untuk Cabutan Jutawan (bulan-bulan tertentu) dan Cabutan Guru, dinasihatkan untuk mengemaskini butiran di mana-mana cawangan BSN berdekatan dengan membawa dokumen bukti pekerjaan.***

Pihak Bank berhak untuk menarik balik kelayakkan Pelanggan bagi memenangi hadiah cabutan guru atau frontliner sekiranya didapati terdapat penipuan dalam butiran pekerjaan Pelanggan.

Merujuk kepada soalan 11, berikut adalah cara pengiraan gandaan penyertaan boleh dirujuk melalui jadual dibawah:

Bil	Pelanggan	Keterangan	Baki Hujung 2022 (RM)	Transaksi Pelanggan				Bonus Tambahan Istimewa (Y/N)	Cabutan Akaun Gaji (Y/N)	Cabutan Simpanan Konsisten (Y/N)
				Jan-23 (RM)	Feb-23 (RM)	Mac-23 (RM)	Apr-23 (RM)			
1	Pelanggan 1	> Layak bagi simpanan konsisten pada bulan April 2023 > Mempunyai akaun gaji dengan BSN dan telah memenuhi syarat Cabutan Akaun Gaji	1000	500	500	500	600	Y (Jan, Feb, Mac, Apr)	Y	Y (April dan seterusnya)
2	Pelanggan 2	> Tiada Bonus Tambahan Istimewa pada Jan 2023 > Layak cabutan simpanan konsisten pada bulan Mei 2023 > Mempunyai akaun gaji dengan BSN dan telah memenuhi syarat Cabutan Akaun Gaji	1500	-	700	500	700	N (Jan)	Y	Y (Mei dan seterusnya)
								Y (Feb, Mac, Apr)		
3	Pelanggan 3	>Pengeluaran pada Feb 23	2000	500	-300	500	800	Y (Jan, Mac, Apr)	N	N
4	Pelanggan 4	>Pengeluaran pada Feb 23 + Tambahan deposit RM600 pada bulan yang sama	2500	550	-100	900	1000	Y (Jan, Mac, Apr)	N	Y (April dan seterusnya)
					+600					

Sijil / Penyertaan Yang Layak bagi Pelanggan berdasarkan jadual diatas:

Nama	Kategori Cabutan	Bulan dan Jumlah Sijil / Penyertaan Pelanggan Yang Layak			
		Jan-23	Feb-23	Mac-23	Apr-23
	Semua sijil / penyertaan adalah dalam gandaan RM10				
Pelanggan 1	Sijil / Penyertaan Biasa	150	200	250	310
	Bonus Tambahan Istimewa (gandaan penyertaan)	100	100	100	120
	Cabutan Akaun Gaji (gandaan penyertaan)	300	400	500	620
	Cabutan Simpanan Konsisten (gandaan penyertaan)	-	-		420
	Jumlah Sijil Layak	550	700	850	1470
Pelanggan 2	Sijil Biasa	150	220	270	340
	Bonus Tambahan Istimewa (gandaan penyertaan)	0	140	100	140
	Cabutan Akaun Gaji (gandaan penyertaan)	300	440	540	680
	Cabutan Simpanan Konsisten (gandaan penyertaan)	-	-		-
	Jumlah Sijil Layak	450	800	910	1160
Pelanggan 3	Sijil Biasa	250	220	270	350
	Bonus Tambahan Istimewa (gandaan penyertaan)	100	-	100	160
	Cabutan Akaun Gaji (gandaan penyertaan)	-	-	-	-
	Cabutan Simpanan Konsisten (gandaan penyertaan)	-	-	-	-
	Jumlah Sijil Layak	350	220	370	1670
Pelanggan 4	Sijil Biasa	250	360	360	540
	Bonus Tambahan Istimewa (gandaan penyertaan)	110	-	180	200
	Cabutan Akaun Gaji (gandaan penyertaan)	-	-	-	-
	Cabutan Simpanan Konsisten (gandaan penyertaan)	-	-	-	590
	Jumlah Sijil Layak	360	360	540	1330

***Nota: Semua gandaan penyertaan adalah x2 dari syarat yang telah ditetapkan bagi cabutan / kondisi tersebut.**

Cabutan Akaun Gaji: Gandaan penyertaan bagi seluruh baki di dalam akaun BSN SSP

Cabutan Simpanan Konsisten: Gandaan penyertaan bagi simpanan yang dibuat pada 2023

Bonus Tambahan Istimewa: Gandaan penyertaan bagi simpanan yang dibuat pada bulan tersebut.

Contoh Pengiraan bagi Pelanggan 1 untuk bulan Januari 2023:

a) Sijil / Penyertaan Biasa

Baki hujung 2022 (RM1,000) + Simpanan Jan-23 (RM500)
= RM1,500/RM10 = 150 sijil / penyertaan

b) Bonus Tambahan Istimewa

Simpanan Jan-23 (RM500/RM10) x 2 (gandaan penyertaan)
= 100 sijil / penyertaan

c) Cabutan Akaun Gaji

Baki hujung 2022 (RM1,500) + Simpanan Jan-23 (RM500) x 2 (gandaan penyertaan)
= RM1,500/RM10 = 300 sijil / penyertaan

Jumlah sijil / penyertaan bagi Pelanggan 1 untuk bulan Januari 2023: 550 sijil / penyertaan

Contoh Pengiraan sijil / penyertaan Cabutan Simpanan Konsisten bagi Pelanggan 1:

d) Simpanan Jan-23 (RM500) + Simpanan Feb-23 (RM500) + Simpanan Mac-23 (RM500) x 2 (gandaan penyertaan)
= (RM1,500/RM10) x 2 (gandaan penyertaan) = 300 sijil / penyertaan